



10

JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld IX  
Tarikh : 25hb. April 2006

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2006**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/Pengerusi  
Fakulti/ Pusat/ Jabatan/ Bahagian/ Institut/ Unit/ Persatuan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TABUNG AMANAH ZAKAT UKM**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa UKM telah dilantik sebagai Penolong Amil oleh Lembaga Zakat Selangor di mana UKM diamanahkan bagi mengagihkan sendiri 50% daripada potongan zakat bulanan oleh kakitangannya kepada warga UKM yang beragama Islam.


Dalam usaha untuk menggalakkan kakitangan mengeluarkan zakat pendapatan bulanan, Jabatan Bendahari telah menyediakan kemudahan potongan gaji dengan menggunakan borang potongan zakat yang disediakan di Unit Gaji, Jabatan Bendahari. Bayaran zakat ini akan dikecualikan dari jumlah cukai pendapatan yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Permohonan bantuan agihan zakat UKM telah mula dibuka kepada semua pelajar dan kakitangan UKM yang berkelayakan. Permohonan boleh dibuat di Unit Zakat Jabatan Bendahari Paras 4 atau di Unit Kerohanian dan Kebajikan Pelajar, Hal Ehwal Pelajar Paras 2 Bangunan Pusanika UKM menggunakan borang yang disediakan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan perkara ini kepada semua pelajar dan kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor UKM
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor UKM
- Pendaftar UKM
- Pengarah HUKM